

NAMA:

TINGKATAN:

SEJARAH

Kertas 1

Ogos 2025

1 jam

1249/1



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
NAMA SEKOLAH**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2025
SEJARAH TINGKATAN 5
(SET 1)**

Kertas 1

Satu Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.

Kertas soalan ini mengandungi **10 halaman** bercetak

Arahan

Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan. Pilih **satu** jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **hitamkan** ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

1. Bagaimakah kuasa dan pengaruh seorang raja terhadap sesebuah wilayah dalam sistem politik Melayu tradisional ditentukan?

- | | |
|---|---------------------|
| A | Persamaan budaya |
| B | Kesetiaan rakyat |
| C | Kegiatan ekonomi |
| D | Prinsip kepercayaan |

2. Jawatan Bendahara tergolong dalam Pembesar Berempat.

Apakah tugas Bendahara pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?

- | | |
|---|----------------------------|
| A | Mengetuai pentadbiran |
| B | Menguruskan kewangan |
| C | Menjaga keselamatan kota |
| D | Mengutip cukai perdagangan |

3. Revolusi Perancis 1789, memperjuangkan kebebasan, persamaan dan persaudaraan.

Apakah kesan revolusi tersebut terhadap Perancis?

- | | |
|---|------------------------------|
| A | Kedudukan bangsawan kukuh |
| B | Sistem republik dilaksanakan |
| C | Kuasa parliment tergugat |
| D | Wilayah kecil merdeka |

4. Mengapa gerakan nasionalisme di China menentang pemerintahan Dinasti Manchu?

- | | |
|---|--|
| A | Gagal menghalang kemasukan kuasa Barat |
| B | Rakyat dibebani cukai yang tinggi |
| C | Membenci golongan Mandarin |
| D | Fahaman komunis berkembang |

5. Maklumat berikut merupakan karya Raden Adjeng Kartini.

- | |
|---------------------------------|
| • Hilang Gelap Terbitlah Terang |
| • Penulisan Seorang Putera Jawa |

Kedua-dua karya tersebut menyentuh tentang

- | | |
|---|------------------------------|
| A | Kepesatan kegiatan ekonomi |
| B | Penindasan terhadap rakyat |
| C | Ancaman oleh kaum imigran |
| D | Kelemahan sistem pentadbiran |

6. Maklumat berikut adalah tokoh nasionalis Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua

- Ibrahim Haji Yaakob
- Ishak haji Muhamad
- Ahmad Boestamam

Apakah tindakan British untuk melemahkan perjuangan mereka?

- A Mengenakan hukuman penjara
- B Menyekat sumber kewangan yang diperolehi
- C Menjalin kerjasama dengan golongan radikal
- D Menggunakan perintah sultan untuk bertindak

7. Apakah faktor yang mencetuskan Perang Dunia Pertama di Eropah pada tahun 1914?

- A Kegagalan Liga-liga Bangsa mengekalkan keamanan
- B Jerman memperbesarkan angkatan tentera
- C Kemunculan ideologi baharu
- D Persaingan kuasa imperialis

8. Jadual berikut menunjukkan kejayaan Jepun dalam bidang ketenteraan.

Tahun	Kejayaan
1895	Menewaskan China
1905	Menewaskan Rusia

Apakah kesan kejayaan tersebut terhadap Asia Tenggara?

- A Pengukuhan sistem pertahanan
- B Peluasan kawasan pemerintahan
- C Kemunculan semangat nasionalisme
- D Kemantapan kuasa pemerintahan tempatan

9. Jepun telah mengambil tindakan bagi mengawal kemelesetan ekonomi di Tanah Melayu.
Apakah tindakan tersebut?

- I Jawatankuasa Penyelidikan Bahan
- II Rancangan Pengeluaran Lima Tahun
- III Institut Latihan Pemimpin-pemimpin Muda
- IV Rancangan Kemakmuran Bersama Asia Timur

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10. British Military Administration (BMA) di Tanah Melayu merupakan pentadbiran tentera yang diletakkan di bawah arahan Lord Mountbatten di antara tahun 1943 hingga 1946.
Apakah peranan pentadbiran tersebut?

- A Melatih penduduk tempatan
- B Memulihkan kepercayaan rakyat
- C Menghalang kemasukan penjajah
- D Menangani demonstrasi penduduk

11. Mengapakah British menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Kekuatan perpaduan orang Melayu
- B Menghalang desakan orang dagang
- C Memenuhi tuntutan golongan radikal
- D Kemasukan berterusan kaum imigran

12. Pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada tahun 1948.

Apakah kesan penubuhan tersebut terhadap perjuangan orang Melayu?

- A Berkuasa mengawal pentadbiran
- B Parti-parti politik digabungkan
- C Syarat kerakyatan dipermudah
- D Diiktiraf sebagai penduduk asal

13. Maklumat berikut berkaitan dengan ancaman keganasan Parti Komunis Malaya (PKM) di Tanah Melayu.

- Merosakkan ladang getah
- Mengganggu kerja di lombong
- Merosakkan landasan kereta api

Mengapakah tindakan tersebut dilakukan?

- A Menunjukkan ketidakupayaan British
- B Menyusun semula sistem pemilikan
- C Menentang amalan buruh paksa
- D Melumpuhkan ekonomi British

14. Tentera Jepun telah melakukan kezaliman terhadap penduduk di negara kita.

Apakah kezaliman yang dilakukan oleh Jepun?

- I Membina landasan kereta api maut
- II Menghalang kemaraan kuasa Barat
- III Memusnahkan kawasan hutan
- IV Melaksanakan catuan makanan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15. Sistem Ahli diperkenalkan pada tahun 1951.

Apakah kepentingan Sistem Ahli terhadap pemimpin tempatan?

- A Memperkuat penguasaan politik
- B Berkuasa menggubal perlembagaan
- C Berhak mengawal kewangan negara
- D Melatih kemahiran mentadbir kerajaan

16. Maklumat berikut merupakan parti politik yang ditubuhkan oleh Dato Onn bin Jaafar.

1951
Parti Kemerdekaan Malaya (<i>IMP</i>)

Mengapakah beliau menubuhkan parti tersebut?

- A Menerima desakan daripada penjajah British
- B Memastikan kemenangan dalam pilihan raya
- C Mengutamakan perpaduan antara kaum
- D Memantapkan pengurusan Sistem Ahli

17. Maklumat berikut berkaitan keputusan Pilihan Raya Umum 1955.

Tahun	Pilihan Raya
1955	Parti Perikatan memenangi 51 kerusi daripada 52 kerusi yang dipertandingkan

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan maklumat tersebut?

- A Menekankan konsep persamaan taraf
- B Memantapkan pentadbiran kerajaan tempatan
- C Melindungi kepentingan ekonomi antara kaum
- D Membuktikan kerjasama kaum diterima

18. Maklumat berikut merupakan fungsi Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

- Mewujudkan rupa bangsa kerajaan Persekutuan Tanah Melayu
- Menetapkan kuasa Kerajaan Pusat dan kuasa Kerajaan Negeri
- X

Apakan X?

- A Menetapkan sempadan negeri
- B Merangka perlembagaan negara
- C Mencadangkan tarikh pilihan raya
- D Menggubal syarat kewarganegaraan

19. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani pada 5 Ogos 1957.

Antara berikut yang manakah inti pati dalam perjanjian tersebut?

- I Agama Islam sebagai agama persekutuan
- II Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan
- III Pegawai British menasihati raja dalam pentadbiran
- IV Sultan menjadi ahli Majlis Perundungan Persekutuan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20. Jawatankuasa Fizikal dan Jawatankuasa Sambutan ditubuhkan sebagai persediaan menyambut pemasuhan kemerdekaan Tanah Melayu.

Apakah kepentingan penubuhan jawatkuasa tersebut?

- A Menonjolkan identiti negara
- B Mematuhi prinsip rukun negara
- C Mempertahankan warisan negara
- D Mendukung perlombagaan negara

21. Apakah perkara yang merujuk kepada konsep kedaulatan tradisional?

- A Raja memiliki kuasa tertinggi dalam pentadbiran
- B Pengiktirafan badan antarabangsa terhadap negara
- C Perkongsian kuasa antara badan-badan pemerintah
- D Rakyat berhak menentukan hala tuju pentadbiran negara

22. Apakah majlis yang bertanggungjawab menggubal undang-undang di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB)?

- A Majlis Negeri
- B Majlis Persekutuan
- C Majlis Perundangan
- D Majlis Undangan Negeri

23. Pada tahun 1965, berlaku pindaan perlombagaan negara. Mengapakah pindaan tersebut berlaku?

- A Singapura berpisah daripada Malaysia
- B Hak autonomi Sarawak dan Sabah
- C Pengisytiharan bahasa kebangsaan
- D Pengasingan kuasa pemerintahan

24. Apakah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong?

- A Mengubah sempadan negeri
- B Mengetuai perkhidmatan awam
- C Melantik diplomat ke luar negara
- D Mengawal perbelanjaan kerajaan

25. Pernyataan berikut berkaitan dengan sistem pentadbiran di negara kita.

Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang diamalkan sejak Merdeka terbukti berkesan mewujudkan kestabilan dan kemakmuran kepada negara

Bagaimanakah sistem tersebut mewujudkan kestabilan dan kemakmuran negara?

- I Rakyat berkuasa membentuk kerajaan
 - II Kebebasan mutlak dijamin perlembagaan
 - III Dominasi satu parti menguasai pentadbiran
 - IV Kuasa raja mengimbangi amalan demokrasi
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

26. Maklumat berikut berkaitan bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri	
● Hari Kelepasan Negeri	● Pertanian dan Perhutanan

Apakah X?

- A Tanah
- B Biasiswa
- C Hal ehwal luar negeri
- D Pertahanan

27. Gambar berikut menunjukkan suasana Mesyuarat Menteri Besar and Ketua Menteri.



Mengapakah mesyuarat tersebut dilaksanakan?

- A Menggubal undang-undang
- B Menyelaras pelaksanaan dasar kerajaan
- C Melantik Yang di-Pertuan Agong
- D Memperkenan perubahan sempadan

28. Ancaman komunis telah berlaku di Sarawak dan Singapura pada tahun 1960-an. Bagaimanakah Tunku Abdul Rahman menyelesaikan ancaman tersebut?

- A Membentuk Persekutuan Malaysia
- B Menubuhkan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaun
- C Mewujudkan kerjasama ketenteraan bersama Indonesia
- D Memperkuuh hubungan diplomatik dengan Filipina

29. Referendum Singapura diadakan pada tahun 1962. Mengapakah referendum tersebut diadakan?

- A Menentukan sokongan terhadap pembentukan Malaysia
- B Mengukuhkan kesetiaan rakyat terhadap kerajaan
- C Mengelakkan sistem pentadbiran British
- D Menilai pengaruh parti berhaluan kiri

30. Apakah faktor pemisahan Singapura daripada Persekutuan Malaysia pada tahun 1965?

- A Ancaman daripada parti komunis
- B Enggan mematuhi dasar kerajaan
- C Menentang pilihan raya negeri
- D Bantahan oleh Majlis Negeri

31. Yang manakah merupakan langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah ketidakseimbangan ekonomi antara kaum, akibat daripada dasar pecah dan perintah yang telah dilaksanakan di negara kita?

- A Menubuhkan Majlis Perundingan Negara (MAPEN)
- B Membentuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar
- C Memperkenalkan Rancangan Malaysia Pertama
- D Melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB)

32. Apakah langkah yang diambil untuk memupuk perpaduan kaum melalui Laporan Rahman Talib 1960?

- I Mengadakan kurikulum yang sama
- II Melancarkan program sekolah berintegrasi
- III Memperkenalkan aliran vokasional di semua sekolah
- IV Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

33. Apakah prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang diperkenalkan pada tahun 1971?

- I Memperkuuh identiti kenegerian
- II Mengutamakan elemen dari luar
- III Berasaskan kebudayaan rakyat asal
- IV Bertunjangkan ajaran Islam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34. Gambar berikut adalah logo Sukan Malaysia (SUKMA).



Apakah tujuan sukan tersebut dianjurkan?

- A Memantapkan ekonomi negara
- B Memperkuuh perpaduan rakyat
- C Memajukan industri pelancongan
- D Mengimbangi ekonomi antara kaum

35. Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan bagi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Apakah cara untuk mencapai tujuan tersebut?

- A Membuka kampung-kampung baharu
- B Melaksanakan pembangunan wilayah
- C Mengurangkan kemasukan imigran
- D Menghadkan pemilikan saham asing

36. Mengapakah kerajaan mewujudkan zon perindustrian bebas?

- A Menggalakkan pembukaan petempatan baharu
- B Membangunkan pasaran sistem komunikasi
- C Memajukan industri kecil dan sederhana
- D Menggalakkan pelaburan modal asing

37. Sejak mencapai kemerdekaan, Malaysia telah memperkuuhkan dasar luar yang dinamik. Apakah faktor penggubalan dasar luar Malaysia?

- A Pengaruh kuasa besar
- B Pendirian pertubuhan serantau
- C Kepentingan ekonomi negara
- D Keperluan ketenteraan

38. Mengapakah Malaysia menentang dasar Apartheid yang diamalkan di Afrika Selatan melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)?

- A Mempertahankan hak penduduk asal
- B Menghalang program senjata kimia
- C Memilih negara pelaburan asing
- D Menghapuskan sekatan perdagangan


39. Maklumat berikut berkaitan dengan tohmahan yang melanda masyarakat Islam.

Masyarakat Islam sering dikaitkan dengan 3K iaitu keganasan, kemiskinan dan kemunduran

Bagaimanakah Malaysia menghadapi tohmahan tersebut?

- A Melancarkan kempen anti-barat
- B Mengetengahkan nilai kesederhanaan
- C Mengeratkan hubungan dengan negara barat
- D Menyeru anggota OIC mengukuhkan ketenteraan

40. Peta berikut menunjukkan kedudukan Kepulauan Spratly di Laut China Selatan.



Kedudukan Kepulauan Spratly di Laut China Selatan.

Mengapakah kepulauan tersebut menjadi rebutan?

- A Kesuburan tanah
- B Keluasan wilayah
- C Kepentingan perdagangan
- D Keindahan alam semulajadi

JAWAPAN KERTAS 1 (SET 1)

NO. SOALAN	JAWAPAN	MUKA SURAT BUKU TEKS
1	B	
2	A	
3	B	
4	A	
5	B	
6	A	
7	D	
8	C	
9	A	
10	B	
11	A	
12	D	
13	D	
14	B	
15	D	
16	C	
17	D	
18	B	
19	A	
20	A	

NO. SOALAN	JAWAPAN	MUKA SURAT BUKU TEKS
21	C	
22	D	
23	A	
24	A	
25	C	
26	D	
27	C	
28	A	
29	D	
30	B	
31	D	
32	C	
33	B	
34	C	
35	C	
36	D	
37	C	
38	A	
39	B	
40	C	

TABURAN JAWAPAN			
A	B	C	D
11	9	10	10

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

(Guru Mata Pelajaran
SMK)(Ketua Panitia Sejarah
SMK)(Ketua Bidang Kemanusiaan
SMK)